

07 NOV 2000

Aziz-Inggeris

PENGUNAAN B.INGGERIS DALAM PELAJARAN KOMUNIKASI DIRANCANG

KUANTAN, 7 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan merancang melaksanakan penggunaan Bahasa Inggeri dalam mata pelajaran berunsur komunikasi seperti Pendidikan Jasmani, Kemahiran Hidup dan Sains dalam usaha mengatasi kemerosotan penguasaan bahasa itu di kalangan murid-murid.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Abdul Aziz Samsuddin berkata perbincangan mengenai perkara itu akan diadakan pada peringkat kementerian sebelum ia dikemukakan kepada kabinet.

Katanya kementerian juga akan mengadakan seminar bagi mengkaji kaedah sesuai untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah termasuk perbandingan mutunya antara sebelum merdeka dengan selepas merdeka.

Abdul Aziz menyatakan demikian kepada media selepas majlis penganugerahan Khidmat Cemerlang Jabatan Pendidikan Pahang 1999 di sini hari ini. Sebanyak 1,064 guru dan kakitangan Jabatan Pendidikan Pahang menerima anugerah pergerakan gaji melintang dan menegak itu.

Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Randah (UPSR) yang diumumkan semalam menunjukkan penurunan daripada segi peratusan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeri selain Matematik.

"Penggunaan Bahasa Inggeris sangat penting ketika zaman Teknologi Maklumat, bukan bererti kita tidak akan patriotik kerana belajar bahasa asing tetapi lagi banyak bahasa dikuasai rakyat, lagi baik kepada negara," kata Abdul Aziz.

Beliau meminta rakyat tidak terperangkap dengan sentimen itu sehingga enggan mempelajari bahasa asing dengan alasan akan menghilangkan identiti bangsa.

Mengenai konsep Sekolah Wawasan. Abdul Aziz berkata tindakan kumpulan tertentu yang menentang konsep itu boleh membawa kepada perpecahan.

Katanya hasrat melaksanakan konsep itu merupakan usaha kerajaan untuk membendung perasaan perkauman kerana ia merupakan formula untuk menyatu-padukan rakyat bermula dari peringkat sekolah lagi.

Konsep Sekolah Wawasan bukan bertujuan merampas hak kaum Cina dan India kerana kedua-dua kaum itu terus dibenarkan menggunakan bahasa masing-masing, kata beliau ketika diminta mengulas tindakan gabungan persatuan Cina daripada Dong Jiao Zhong dan Hua Zong yang menentang pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewanya dengan tindakan persatuan itu.

Abdul Aziz berkata Kementerian Pendidikan akan terus mengadakan perjumpaan dengan pelbagai pihak untuk menerangkan matlamat kerajaan mengadakan sekolah wawasan itu.

-- BERNAMA

RZS NMO